A

YAHYA ZAINOL lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR
HASHIM HAMZAH H
[PJK: 42S(A)-01-01-2014]
1 JUN 2015

B

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Rasuah – Memberi atau menerima suapan oleh ejen – Permintaan wang untuk dilepaskan dari tahanan polis – Pengetahuan tertuduh bahawa rasuah diterima oleh pihak ketiga – Pintasan telefon dibuat di antara pengadu dan tertuduh – Sama ada peruntukan s. 43 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dipatuhi – Sama ada transkrip perbualan telefon diterima masuk – Sama ada pindaan kepada pertuduhan memprejudiskan tertuduh – Sama ada keterangan saksi-saksi pendakwaan bercanggah*

C

KETERANGAN: *Kebolehterimaan – Kuasa memintas perbualan telefon – Kebenaran – Sama ada peruntukan s. 43 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dipatuhi – Sama ada sijil di bawah s. 43(4) dikemukakan*

D

KETERANGAN: *Saksi – Keterangan bercanggah – Aduan pengadu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia – Percanggahan di antara keterangan lisan di mahkamah dan transkrip perbualan telefon di antara pengadu dan tertuduh – Sama ada keterangan saksi diterima masuk*

E

Tertuduh telah dituduh di bawah s. 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta') yang boleh dihukum di bawah s. 24(1) Akta yang sama. Pada asalnya, sebelum pindaan kepada pertuduhan dibuat, tertuduh telah dituduh di bawah s. 16(a)(B) Akta yang boleh dihukum di bawah s. 24(1) Akta yang sama. Fakta kes menunjukkan bahawa pada 26 Ogos 2010, SP4 telah ditangkap bersama-sama dengan SP11 bagi tujuan menjalani ujian air kencing. Semasa dalam perjalanan ke ibu pejabat polis, SP11 telah menghubungi kawannya ('SP7') untuk memaklumkan bahawa beliau telah ditangkap oleh polis. Berkaitan dengan kes ini, SP7 telah berjumpa dengan seorang bernama Sarjan Yusof untuk meminta bantuan dan beliau telah mencadangkan supaya SP7 berjumpa dengan Sarjan Yahya, iaitu tertuduh. Menurut SP7, semasa beliau berbual dengan SP11 di bahagian luar lokap, SP4 telah meminta pertolongan SP7 untuk dilepaskan dari tahanan polis. Selepas berjumpa dengan tertuduh, SP7 memaklumkan kepada SP4 bahawa responden telah meminta RM1,000 dan SP4 memberitahu SP7 bahawa beliau hanya mempunyai RM600. SP7 telah memaklumkan tertuduh berkenaan perkara ini dan beliau meminta SP7 mengambil duit tersebut dan berjanji untuk melepaskan SP4 pada petang tersebut. Pada hari yang sama, SP4 and SP11 telah dibebaskan. Berhubung dengan perkara ini, SP4 telah membuat aduan ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ('SPRM'). Pegawai SPRM memberi keterangan bahawa satu pintasan perbualan telefon telah dibuat di antara SP4 dan tertuduh di mana

F

G

H

I

sebelum pintasan tersebut dibuat, beliau telah mendapat kebenaran daripada Timbalan Pendakwa Raya ('TPR Hanim'). Transkrip perbualan telefon ('P7') tersebut telah dikemukakan. Satu panggilan telefon juga telah dibuat oleh SP4 kepada SP7 di mana perbualan tersebut telah dipintas dan dirakamkan. Di dalam perbualan tersebut, SP7 telah bersetuju untuk berjumpa dengan SP4 pada malam itu. Lanjutan daripada perangkap yang diatur, SP7 telah ditangkap oleh pegawai SPRM semasa SP4 menyerahkan wang bernilai RM600 kepadanya. Hampir lapan bulan selepas itu, tertuduh pula telah ditangkap. Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') telah bergantung kepada rakaman perbualan telefon di antara SP4 dengan tertuduh dalam memutuskan bahawa tertuduh mengetahui terdapatnya permintaan wang rasuah daripada SP7 yang dikatakan bagi pihak tertuduh dan SP4 diminta berhubung dengan SP7 untuk tindakan seterusnya. Dengan itu, tertuduh didapati bersalah dan dihukum penjara sepuluh bulan dari tarikh tangkap dan denda RM12,000 jika gagal bayar sepuluh bulan penjara. Oleh itu, rayuan ini. Isu-isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan adalah (i) sama ada pindaan kepada pertuduhan oleh pihak pendakwaan telah memprejudiskan tertuduh; (ii) sama ada saksi-saksi pihak pendakwaan boleh dipercayai memandangkan terdapatnya percanggahan di dalam keterangan mereka; dan (iii) sama ada kehendak di bawah s. 43 Akta berhubung dengan pintasan perbualan telefon telah dipatuhi.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengenepikan keputusan Mahkamah Sesyen):

(1) Semasa pindaan pertuduhan dibuat, pertuduhan tersebut telah dibaca kepada tertuduh dan beliau yang diwakili oleh peguam telah ditawarkan saksi-saksi jika diperlukan akibat daripada pindaan tersebut. Walaupun pindaan tersebut dibuat di pertengahan kes pendakwaan, tertuduh tidak diprejudiskan oleh tindakan pendakwaan ini. Oleh itu, isu ini tidak memihak kepada pihak tertuduh (*Jinny Daniul v. PP*; dirujuk). (perenggan 16)

(2) Tujuan menyoal balas saksi adalah untuk menentukan keutuhan keterangan beliau semasa memberi keterangan di dalam pemeriksaan utama. SP4 di dalam keterangan lisannya menyatakan bahawa beliau ke pejabat SPRM pada 28 Ogos 2010 di mana panggilan telefon yang dirakamkan telah dibuat kepada tertuduh. SP4 juga menyatakan bahawa rakaman percakapan tersebut dibuat pada waktu petang tetapi selepas pita rakaman dimainkan di mahkamah, beliau menyatakan bahawa panggilan telefon kepada tertuduh dibuat pada jam 11 lebih. (perenggan 19 & 20)

(3) Semasa memberi keterangan lisan, SP4 telah banyak menokok tambah perbualan beliau yang dirakamkan. Jika dibandingkan dengan transkrip perbualan telefon di antara SP4 dan tertuduh, perkara-perkara yang dinyatakan oleh beliau tidak terdapat di dalam transkrip tersebut. Tambahan, berdasarkan transkrip perbualan telefon di antara SP4 dan SP7, tidak ada perbualan di antara mereka yang telah mengaitkan tertuduh. SP7 telah memainkan peranan yang aktif di dalam kes ini dan SP4 telah menyerahkan wang kepada SP7. SP7 ditangkap bersama wang tersebut manakala tertuduh ditangkap lebih kurang lapan bulan kemudian. Terdapat banyak lagi percanggahan dalam keterangan SP4 dan SP7 berserta percanggahan keterangan saksi-saksi ini dengan saksi pendakwaan yang lain. Oleh itu, keterangan SP4 dan SP7 perlu diterima dengan berhati-hati. Berdasarkan percanggahan keterangan saksi-saksi ini, kes pihak pendakwaan telah terjejas. (perenggan 21, 22 & 24)

(4) Undang-undang membenarkan pintasan perbualan telefon dibuat tetapi tertakluk kepada peruntukan s. 43 Akta. Untuk menggunakan P7 sebagai keterangan, satu sijil di bawah s. 43(4) sepatutnya dikemukakan bersama-sama dengan transkrip P7 melainkan jika pegawai yang memberi kuasa untuk pintasan perbualan telefon tersebut dipanggil untuk memberi keterangan. Berdasarkan fakta, tiada sijil di bawah s. 43(4) yang dikemukakan ataupun TPR Hanim dipanggil untuk memberi keterangan. Oleh itu, P7 tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan (*PP lwn. Zul Hassan & Yang Lain*; dirujuk). (perenggan 26 & 28)

Kes-kes yang dirujuk:

Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101 FC ***(dirujuk)***

Jason Chan Huan Sen & Ors v. PP [2015] 2 CLJ 605 CA ***(dirujuk)***

Jinny Daniul v. PP [2013] 9 CLJ 750 HC ***(dirujuk)***

PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris [1976] 1 LNS 96 HC ***(dirujuk)***

PP lwn. Zul Hassan & Yang Lain [2013] 7 CLJ 141 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Anti-Corruption Act 1997, s. 39(4)

Criminal Procedure Code, s. 163

Evidence Act 1950, s. 114(g)

Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009, ss. 16(a)(B), 17(a), 24(1), 43(4), 50(1)

Bagi pihak perayu - Rahamathullah Baharudeen; T/n Rahamat & Mashuri
Bagi pihak pendakwaan - Mukhriz Mat Rus; TPR

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Hashim Hamzah H:

Pendahuluan

[1] Yahya bin Zainol ("responden") di dalam kes ini dituduh di bawah s. 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (selepas daripada ini akan dirujuk sebagai "Akta SPRM 2009") yang boleh dihukum di bawah s. 24(1) Akta yang sama. Semasa perbicaraan di Mahkamah Sesyen, responden telah didapati bersalah dan disabitkan dan telah dihukum dengan penjara sepuluh bulan daripada tarikh tangkap dan denda RM12,000 jika gagal bayar sepuluh bulan penjara. Responden telah dibenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman penjara. Hukuman denda telah dijelaskan. Rayuan responden atas sabitan dan hukuman telah didengar di Mahkamah Tinggi dan pada 2 Februari 2015, setelah mendengar rayuan, mahkamah ini telah mengenepikan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan ke atas responden oleh Hakim Mahkamah Sesyen ("HMS") dan selanjutnya memerintahkan supaya denda yang dibayar dikembalikan. Atas keputusan ini pihak Pendakwa Raya ("perayu") merayu.

Fakta Kes

[2] Secara ringkasnya, pada 26 Ogos 2010 jam lebih kurang 11 pagi, Rosli bin Yaakob (SP4) telah ditangkap bersama-sama dengan Azman bin Dollah (SP11) oleh anggota polis dari Bahagian Narkotik di sebuah rumah di Kampung Keda, Tanjung Setul, Bukit Jenun, Pendang, Kedah dan dibawa balik ke Ibu Pejabat Polis Daerah Pendang ("IPD Pendang") bagi tujuan ujian air kencing (ujian urin). Di dalam van, semasa dalam perjalanan ke IPD Pendang, SP11 telah menghubungi kawannya, Ahmad Sabri bin Abu Bakar (SP7) untuk memaklumkan bahawa beliau telah ditangkap polis dari IPD Pendang. SP7 pada masa itu bekerja sebagai tukang kebun di IPD Pendang sejak 2009.

[3] Selepas sampai di IPD Pendang, SP4 dan SP11 telah dibawa ke tingkat 2 Bahagian Narkotik, di IPD Pendang tersebut dan seterusnya ke tandas bersebelahan bilik responden. SP4 dan SP11 telah diberikan botol untuk diisikan dengan urin masing-masing. Selepas itu, botol yang berisi urin tersebut diletakkan di atas meja di tepi tandas tersebut dan SP4 dan SP11 dibawa masuk ke dalam lokap.

[4] SP7 yang kemudiannya telah pergi ke IPD Pendang telah berjumpa dengan Sarjan Yusof untuk meminta bantuan tetapi Sarjan Yusof telah memaklumkan bahawa beliau tidak dapat berbuat apa-apa dan mencadangkan supaya SP7 berjumpa dengan responden. Selepas itu menurut SP7, semasa dia sedang berbual dengan SP11 di bahagian luar lokap, SP4 telah meminta SP7 mengusahakan supaya beliau dapat dilepaskan dari ditahan. SP7 kemudiannya telah ke pejabat responden di tingkat atas dan berjumpa dengan responden. SP7 telah memaklumkan

kepada responden bahawa SP4 minta tolong untuk dilepaskan dan menurut SP7, responden memohon RM1,000. SP7 telah turun semula dan memaklumkan kepada SP4 bahawa responden meminta RM1,000 dan SP4 memberitahu SP7 yang beliau hanya ada RM600 sahaja.

[5] SP7 telah naik semula ke pejabat responden dan memaklumkan kepada responden yang SP4 hanya ada RM600 sahaja. Responden setuju tetapi meminta SP7 yang mengambil duit tersebut dan berjanji akan melepaskan SP4 pada petang itu juga. Selepas itu SP7 telah turun semula dan memaklumkan kepada SP4 yang SP4 akan dibebaskan pada petang itu juga.

[6] Tidak lama selepas itu, SP4 dan SP11 telah dibawa naik ke bilik responden untuk urusan jaminan dan kemudiannya dibebaskan pada jam 5 petang (26 Ogos 2010). Mereka kemudiannya balik ke rumah.

[7] Selepas SP4 balik, beliau telah ke rumah kawannya dan menceritakan masalah tadi kepada kawan-kawannya dan mereka telah menasihati SP4 untuk membuat laporan kepada SPRM. Pada hari yang sama juga jam lebih kurang 8 malam, SP4 telah berjumpa dengan seorang pegawai SPRM En Mohd Syukur bin Mahmud (SP6). Pada malam itu, tiada aduan diambil oleh SP6 tetapi beliau menasihati SP4 untuk datang semula setelah mendapatkan nombor telefon SP7 dan responden.

[8] Dua hari kemudiannya iaitu pada 28 Ogos 2010, SP6 telah dimaklumkan oleh pegawainya iaitu En Ahmad Faizul bahawa SP4 telah menghubunginya dan memaklumkan bahawa beliau sudah memperolehi nombor-nombor telefon tersebut lantas SP6 mengarahkan SP4 untuk ke pejabat SPRM pada hari itu juga.

[9] SP4 telah ke pejabat SPRM dan berjumpa dengan SP6. Satu aduan telah dibuka dan SP6 seterusnya telah meminta pegawainya En Kamarusan bin Kamis (SP1) untuk membuat pintasan perbualan telefon antara SP4 dan responden. Mohd Syukur bin Mahmud (SP6) di dalam keterangannya menyatakan bahawa sebelum pintasan perbualan telefon itu dibuat, beliau telah mendapatkan kebenaran dari Timbalan Pendakwa Raya Hanim. Rakaman perbualan telefon tersebut telah ditandakan sebagai P6 dan transkripsi perbualan telefon tersebut ditandakan P7 oleh mahkamah yang membicarakan kes ini. SP4 mengesahkan bahawa nombor telefon yang digunakan olehnya iaitu 017-4855753 adalah nombor telefon yang didaftarkan atas nama kawannya iaitu Mohd Syafik Syami bin Mat Rahim (SP10) manakala nombor telefon yang digunakan oleh responden adalah 013-5253500. SP4 kemudiannya dibenarkan pulang dan diminta untuk datang semula pada keesokan harinya.

[10] Pada 29 Ogos 2010 iaitu hari Ahad, SP6 telah mengarahkan pegawainya iaitu Izham bin Ibrahim (SP9) untuk menulis aduan daripada SP4 dan membuat rakaman perbualan kedua kerana di dalam rakaman

perbualan pertama, responden ada menyatakan bahawa jika ingin membuat pembayaran hendaklah menghubungi responden dahulu. SP4 cuba menghubungi responden tetapi tidak berjaya. Apabila SP6 kemudiannya dimaklumkan bahawa SP4 ada menerima sms daripada SP7 yang menzahirkan kekecewaannya kerana SP4 tidak menunaikan janjinya untuk membuat pembayaran selepas SP4 dibebaskan, satu panggilan telefon dibuat kepada SP7 oleh SP4 di mana perbualan tersebut telah dipintas dan dirakamkan. Di dalam perbualan telefon tersebut, SP7 telah bersetuju untuk berjumpa dengan SP4 pada malam tersebut.

[11] Lanjutan daripada itu satu perangkap telah diatur di sebuah kedai makan di Pendang di mana Johari bin Johan (SP5), pegawai SPRM, akan menyamar sebagai kawan kepada SP4 untuk menyaksikan transaksi penyerahan wang rasuah tersebut. Semasa di kedai makan tersebut, SP4 dan SP5 telah sampai dahulu dan mengambil kedudukan. SP4 telah menghubungi SP7 dan memaklumkan bahawa beliau telah berada di dalam kedai tersebut. Tidak lama kemudian SP7 telah datang bersama dengan seorang kawannya. Di dalam kedai tersebut SP4 telah menyerahkan wang bertanda RM600 dan seterusnya SP7 telah ditangkap oleh pegawai SPRM iaitu Mohamad Razif bin Ab Rased (SP2). Responden pula telah ditangkap kemudiannya pada 26 April 2011 iaitu selepas hampir 8 (Lapan) bulan selepas SP7 ditangkap.

[12] Meneliti hujah peguambela responden semasa membentangkan rayuan beliau di Mahkamah Tinggi, terdapat tiga isu utama untuk penelitian mahkamah ini. Isu tersebut adalah:

(a) Sama ada pindaan pertuduhan oleh pendakwaan memprejudiskan responden;

(b) Kebolehpercayaan saksi-saksi pendakwaan ekoran terdapatnya percanggahan keterangan mereka; dan

(c) Keterangan perbualan telefon yang dipintas oleh pihak SPRM.

[13] Adalah undang-undang yang mantap bahawa mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mengganggu apa-apa dapatan fakta oleh mahkamah yang mendengar perbicaraan melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu. Rujukan dibuat kepada kes Mahkamah Rayuan, *Jason Chan Huan Sen & Ors v. PP* [2015] 2 CLJ 605 yang antara lain menyatakan bahawa:

> … I am mindful of the general principle of law that an appellate court is generally very reluctant to disturb finding of fact by any trial judge. Notwithstanding that, it is always open for this court to interfere if the findings thus made were unsupported by evidence or against the weight of evidence, or if there was no proper judicial appreciation of the evidence or if there was any misdirection in law ...

Sama Ada Pindaan Pertuduhan Oleh Pendakwaan Memprejudiskan Responden

[14] Meneliti kertas pertuduhan kes ini, pada asalnya responden dituduh di bawah s. 16(a)(B) Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum di bawah s. 24(1) Akta yang sama (ms. 41 RR Jilid 1). Kemudian pertuduhan tersebut telah dipinda (sila lihat P1- ms. 560 RR Jilid 3). Intipati kedua-dua pertuduhan tersebut adalah bersubahat dengan SP7 untuk menerima melalui SP7 wang tunai RM600 sebagai upah untuk membebaskan SP4 dari ditahan di dalam lokap IPD Daerah Pendang.

[15] Kemudian terdapat satu lagi pertuduhan pindaan kali kedua (P28 - ms. 642 RR Jilid 4). Pindaan kali ini dibuat dengan menyatakan bahawa responden sebagai ejen Kerajaan Malaysia telah secara rasuah memperolehi bagi diri sendiri melalui SP7 wang tunai RM600 daripada SP4 sebagai upah untuk melepaskan SP4 yang ditahan di dalam lokap IPD Pendang atas kesalahan terlibat dengan dadah dan menutup kes urin SP4. Kesalahan kali ini dipinda dari s. 16(a)(B) kepada s. 17(a) Akta SPRM 2009. Pindaan pertuduhan ini dibuat pada 20 Oktober 2013 (ms. 252 RR Jilid 2) selepas SP4 dan SP7 memberi keterangan dan sebelum SP11 memberi keterangan.

[16] Mahkamah mendapati bahawa semasa pindaan pertuduhan tersebut dibuat, pertuduhan pindaan tersebut telahpun dibacakan kepada tertuduh dan tertuduh yang diwakili oleh peguam telah ditawarkan saksi-saksi jika diperlukan akibat dari pindaan pertuduhan tersebut. Walaupun pindaan tersebut dibuat di pertengahan kes pendakwaan, tetapi mahkamah ini mendapati bahawa pihak responden tidak diprejudiskan oleh tindakan pendakwaan ini. Peguam membangkitkan isu bahawa pindaan pertuduhan dengan memasukkan ayat "melepaskan Rosli bin Yaakob yang ditahan dalam lokap IPD Pendang dan menutup kes urin" adalah satu duplicity bertentangan dengan s. 163 Kanun Tatacara Jenayah sukar dipertahankan. Peguambela yang bijaksana juga menegaskan intipati pertuduhan perlu dibuktikan terutama berkaitan menutup kes urin. Berkaitan isu ini, mahkamah merujuk kepada s. 50(1) Akta SPRM 2009 dengan jelas menyatakan bahawa:

> (1) Where in any proceedings against any person for an offence under section 16, 17, 18, 20, 21, 22 or 23 it is proved that any gratification has been received or agreed to be received, accepted or agreed to be accepted, obtained or attempted to be obtained, solicited, given or agreed to be given, promised, or offered, by or to the accused, *the gratification shall be presumed to have been corruptly received or agreed to be received, accepted or agreed to be accepted, obtained or attempted to be obtained, solicited, given or agreed to be given, promised, or offered as an inducement or a reward for or on account of the matters set out in the particulars of the offence, unless the contrary is proved.*

Dalam hal ini mahkamah ini bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Chew Soo Ho J di dalam kes *Jinny Daniul v. PP* [2013] 9 CLJ 750. Oleh itu isu ini tidak memihak kepada pihak responden.

Kebolehpercayaan (Kredibiliti) Saksi-saksi Pendakwaan Ekoran Terdapatnya Percanggahan Keterangan Mereka

[17] Kedudukan prinsip undang-undang adalah jelas seperti digariskan di dalam kes Mahkamah Persekutuan, *Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP* (1983) CLJ Rep 101. Di dalam kes tersebut Eusoffe Abdoolcader FJ menyatakan bahawa:

> The credibility of a witness is primarily a matter for the trial Judge. There is a homogeneous concatenation of authority on this principle and we refer to the locus classicus on this aspect in a passage in the judgment of Lord Thankerton in *Watt or Thomas v. Thomas* [1947] AC 484 (at p. 487). The Privy Council said in *Caldeira v. Gray* [1934]1LNS5 that the functions of an appellate Court, when dealing with a question of fact, and a question of fact in which questions of credibility are involved, are limited in their character and scope, and that in an appeal from a decision of a trial Judge based on his opinion of the trustworthiness of witnesses whom he has seen, an appellate Court must in order to reverse, not merely entertain doubts whether the decision below is right but be convinced that it is wrong. We feel that the following passage (at p. 138) from the judgment of that Board in that case delivered by Lord Alness bears citation inextenso:
>
> The appellant is exercising a right of appeal which is his by right, and their Lordships recognise that they cannot merely because the question is one of fact, and because it has been decided in one way by the learned Trial Judge abdicate their duty to review his decision, and to reverse it, if they deem it to be wrong. Nonetheless, the functions of a Court of Appeal, when dealing with a question of fact, and a question of fact, moreover, in which, as here, questions of credibility are involved, are limited in their character and scope.
>
> This is familiar law. It has received many illustrations - and, in particular in the House of Lords -, the most recent of these being the case of Powell & Wife v. Streatham Manor Nursing Home, [1935] AC 243; 104 LJ KB 304; 152 LT 563; 79 SJ 179; 51 TLR 289. In that case it was held that:
>
> Where the Judge at the trial has come to a conclusion upon the question which of the witnesses, whom he has seen and heard, are trustworthy and which are not, he is normally in a better position to judge of this matter than the appellate tribunal can be: and the appellate tribunal will generally defer to the conclusion which the Trial Judge has formed.
>
> Lord Wright, in the course of his speech, said:
>
> Two principles are beyond controversy. First it is clear, that, in an appeal of this character, that is from the decision of a Trial Judge based on his opinion of the trustworthiness of witnesses whom he has seen, the

A Court of Appeal 'must, in order to reverse, not merely entertain doubts whether the decision below is right, but be convinced that it is wrong'.

[18] HMS telah merujuk kepada kes *PP v. Datuk Hj Harun Hj Idris* [1976] 1 LNS 96; [1977] 1 MLJ 15 dalam menyatakan bahawa walaupun terdapat percanggahan keterangan saksi, ia tidak menggugat kes pendakwaan kerana B keterangan tersebut adalah jelas dan konsisten. Di dalam kes tersebut Raja Azlan Shah FJ (pada masa itu) menyatakan bahawa:

> In this case different witnesses have testified to different parts of what had happened or what had been said and also there are, in the evidence of the witnesses for the prosecution, some discrepancies, as would be C expected of witnesses giving their recollections of a series of events that took place in 1971-1973. In my opinion discrepancies there will always be, because in the circumstances in which the events happened, every witness does not remember the same thing and he does not remember accurately every single thing that happened. It may be open to criticism, or it might be better if they took down a notebook and wrote down D every single thing that happened and every single thing that was said. But they did not know that they are going to be witnesses at this trial. I shall be almost inclined to think that if there are no discrepancies, it might be suggested that they have concocted their accounts of what had happened or what had been said because their versions are too consistent. The question is whether the existence of certain discrepancies is sufficient E to destroy their credibility. There is no rule of law that the testimony of a witness must either be believed in its entirety or not at all. A court is fully competent, for good and cogent reasons, to accept one part of the testimony of a witness and to reject the other. It is, therefore, necessary to scrutinise each evidence very carefully as this involves the question of weight to be given to certain evidence in particular circumstances. F

[19] Kes yang dirujuk oleh HMS tersebut adalah percanggahan keterangan antara saksi-saksi tetapi HMS telah gagal untuk menilai keterangan daripada saksi itu sendiri yang bercanggah semasa disoal-balas oleh peguam. Tujuan menyoal-balas saksi adalah untuk menentukan keutuhan keterangan beliau G semasa memberi keterangan di dalam pemeriksaan utama. Penelitian mahkamah ini mendapati bahawa saksi utama di dalam kes ini adalah SP4 dan SP7.

[20] SP4 di dalam keterangan lisannya menyatakan bahawa beliau ke pejabat SPRM pada hari Sabtu (28 Ogos 2010) di mana panggilan H telefon yang dirakamkan dibuat kepada responden (ms. 112 RR Jilid 1). SP4 seterusnya menyatakan bahawa rakaman percakapan tersebut dibuat di sebelah petang tetapi selepas pita rakaman dimainkan di dalam mahkamah, beliau menyatakan panggilan telefon kepada responden dibuat pada jam 11.00 lebih (ms. 113 RR Jilid 1).

I **[21]** SP4 juga semasa memberi keterangan lisan di mahkamah banyak menokok tambah perbualan beliau yang dirakamkan di mana transkripnya telah ditandakan sebagai P7. Di dalam keterangan lisannya beliau menyatakan seperti berikut:

S : Panggilan itu dibuat ke atas Pakya lah? A

J : Ya

S : Perbincangan itu berkaitan apa?

J : Masa berbincang dengan Pakya pasal saya tanya dia nak settle macam mana, betulkah Sobri ini, siapa Sobri ini. Dia jawab Sobri ini saya tak pasti tapi macam dia cakap orang tengah, orang arahan, orang suruhan. Salah satu soalan yang saya tanya duit ini untuk apa, kemudian jawapan Pakya dia cakap "nak settle hang lah". Saya tanya kes apa lagi. Dia kata "kes semua sekali lah, kes urine apa semua". Kemudian saya tanya berapa banyak. Dia cakap RM600.00. Kemudian Sobri ini sapa. Dia cakap nak bagi kat Sobri pun takpa nak bagi kat dia pun tak pa. Itu sahaja yang lain saya tak pasti. Tak ingat. B C

(Nota keterangan Jilid 1 ms. 112)

[22] Jika dibandingkan dengan transkrip (P7) perbualan telefon antara SP4 dan responden, perkara-perkara yang beliau nyatakan di atas tiada di dalam transkrip P7. Malahan jika diteliti transkrip perbualan telefon antara SP4 dan SP7 yang dirakamkan pada 29 Ogos 2010 jam 5.55 petang iaitu P11, tidak ada perbualan telefon antara mereka yang mengaitkan responden. Mahkamah memperhalusi perkara ini kerana selain daripada perbualan telefon antara SP4 dan responden, SP7 lah yang memainkan peranan yang aktif dalam kes ini dan wang bertanda (P17) diserahkan oleh SP4 kepada SP7 pada 29 Ogos 2010. SP7 ditangkap bersama wang bertanda tersebut manakala responden telah ditangkap lebih kurang lapan bulan kemudiannya iaitu pada 26 April 2011. D E

[23] SP7 pula semasa dalam pemeriksaan utama menyatakan bahawa beliau telah ke Balai Polis Pendang dan di situ telah berjumpa dengan Sjn Yusof. Menurut beliau lagi dalam perbualan dengan Sjn Yusof berkaitan kes tangkapan SP4, Sjn Yusof telah mencadangkan kepada SP7 untuk meminta tolong dari responden iaitu Sjn Yahaya (iaitu responden) (ms. 191 Nota Keterangan Jilid 1). Tetapi semasa disoal balas oleh peguambela, beliau mengesahkan pula bahawa mereka hanya bercakap pasal landskap sahaja tanpa menyentuh mengenai responden (ms. 219 Nota Keterangan Jilid 1). F G

[24] Terdapat banyak lagi percanggahan keterangan saksi SP4 dan SP7 ini berserta percanggahan keterangan saksi-saksi ini dengan saksi pendakwaan yang lain sepertimana yang dibangkitkan oleh pihak peguambela yang bijaksana semasa penghujahan beliau. Mahkamah mendapati bahawa keterangan SP4 dan SP7 ini perlu diterima dengan berhati-hati. Berdasarkan percanggahan keterangan saksi-saksi ini, ia menjejaskan kes pendakwaan. H

Keterangan Perbualan Telefon Yang Dipintas Oleh Pihak SPRM I

[25] Ini adalah isu utama di dalam kes ini kerana keterangan pintasan perbualan telefon inilah yang mengaitkan responden. Di dalam kes ini Hakim Mahkamah Sesyen telah bergantung kepada rakaman perbualan

telefon (pita rakaman telah ditandakan sebagai P6) antara saksi SP4 dengan responden (di mana transkripsinya ditandakan sebagai P7) dalam mencapai keputusan bahawa responden mengetahui terdapatnya permintaan wang rasuah daripada SP7 yang dikatakan bagi pihak responden, dan SP4 di minta berhubung dengan SP7 untuk tindakan seterusnya. Transkripsi tersebut adalah seperti berikut:

Suara A (SP4) : Sarjan Pak Ya ni. Sarjan Pak Ya ka?

Suara B (OKT) : Ya ... ya ...

Suara A (SP4) : Saya Rosli Yaacob ni. Nak tanya pasal hari tu ni.

Suara B (OKT) : Ha, ha, ha.

Suara A (SP4) : Ha, ha ... Sobri bagitau kata tu … dia kata Sarjan nak tu lah kira kes tu kan?

Suara B (OKT) : Hem … hem.

Suara A (SP4) : Betul dak apa ... banyak yang Sobri cakap tu.

Suara B (OKT) : Banyak … berapa? Berapa?

Suara A (SP4) : Dia kata RM600.

Suara B (OKT) : Ha … dialah. Betul lah saya kata gitu kat dia.

Suara A (SP4) : Pak Ya kata macam tu lah.

Suara B (OKT) : Ha … betul, betul..

[26] Meneliti keterangan SP6, beliau menyatakan bahawa sebelum pintasan dibuat, beliau telah memaklumkan kepada seorang Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang bernama Hanim untuk mendapatkan kelulusan bagi tujuan pintasan tersebut (ms. 176 Nota Keterangan). Tiada sijil di bawah s. 43(4) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 Akta 694 (Akta SPRM 2009) dikemukakan di mahkamah ataupun TPR Hanim itu dipanggil untuk memberi keterangan. Pihak perayu di dalam hujahnya hanya menyatakan bahawa tindakan Hakim Mahkamah Sesyen adalah betul di dalam menerima masuk keterangan P7 ini manakala pihak peguambela pula menghujahkan bahawa kegagalan memanggil TPR Hanim untuk memberi keterangan berkaitan pemberian kuasa untuk memintas perbualan telefon itu membangkitkan anggapan bertentangan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan atau sekurang-kurangnya pihak perayu mengemukakan sijil di bawah s. 43(4) Akta SPRM 2009 untuk menidakkan anggapan tersebut. Mahkamah berpandangan bahawa peruntukan s. 43(4) Akta SPRM 2009 sedemikian digubal untuk memastikan bahawa hak kepada privasi seseorang adalah terpelihara melainkan diperuntukkan oleh undang-undang sebaliknya. Dalam hubungan ini rujukan dibuat kepada s. 43 Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan bahawa:

(1) Notwithstanding the provisions of any other written law, the Public Prosecutor or an officer of the Commission of the rank of Commissioner or above as authorised by the Public Prosecutor, if

he considers that it is likely to contain any information which is relevant for the purpose of any investigation into an offence under this Act, may, on the application of an officer of the Commission of the rank of superintendent or above, authorise any officer of the Commission-

(a) to intercept, detain and open any postal article in the course of transmission by post;

(b) to intercept any message transmitted or received by any telecommunication; or

(c) to intercept, listen to and record any conversation by any telecommunication, and listen to the recording of the intercepted conversation.

(2) When any person is charged with an offence under this Act, any information obtained by an officer of the Commission in pursuance of subsection (1), whether before or after such person is charged, shall be admissible at his trial in evidence.

(3) An authorisation by the Public Prosecutor or an officer of the Commission of the rank of Commissioner or above as authorised by the Public Prosecutor under subsection (1) may be given either orally or in writing; but if an oral authorisation is given, the Public Prosecutor or the officer of the Commission of the rank of Commissioner or above as authorised by the Public Prosecutor shall, as soon as practicable, reduce the authorisation into writing.

(4) A certificate by the Public Prosecutor or the officer of the Commission of the rank of Commissioner or above as authorised by the Public Prosecutor stating that the action taken by an officer of the Commission in pursuance of subsection (1) had been authorised by him under that subsection shall be conclusive evidence that it had been so authorised, and such certificate shall be admissible in evidence without proof of signature thereof.

(5) …

(6) …

[27] Mahkamah ini merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan, *PP lwn. Zul Hassan Dan Yang Lain* [2013] 7 CLJ 141, di mana Mohd Zawawi Salleh HMR di dalam keputusannya menyatakan bahawa:

Keterangan Perbualan Telefon Yang Dipintas Oleh Pihak Pendakwaan

[34] Mengikut rekod rayuan, pihak pendakwa telah memintas dan merakamkan beberapa perbualan telefon dan telah mengemukakan rekod-rekod tersebut sebagai ekshibit P65A, P66A, P67A, P69A, P70A, P71A dan P87A. Transkripnya pula telah dikemukakan sebagai ekshibit P65B, P66B, P67B, P69B, P70B, P71B dan P87B. Ekshibit-ekshibit tersebut, jika diterima masuk sebagai keterangan,

tidak syak lagi akan menjadi keterangan yang penting bagi pihak pendakwaan membuktikan pembabitan responden-responden dengan perbuatan rasuah seperti yang dipertuduhkan terhadap mereka.

[35] Malangnya, tiada perakuan yang ditandatangani oleh Pendakwa Raya seperti diperuntukkan di bawah s. 39(4) Akta 575 dikemukakan berhubung dengan ekshibit-ekshibit tersebut. Timbalan Pendakwa Raya terpelajar tidak mempertikaikan fakta mengenai ketiadaan perakuan tersebut tetapi berhujah bahawa ekshibit-ekshibit tersebut boleh diterima masuk di bawah prinsip undang-undang lazim ("common law"). Bagi menyokong hujah beliau, Timbalan Pendakwa Raya merujuk kepada kes-kes *Kuruma, Son of Kaniu v. R* [1955] AC 197, *Mohd Ali Jaafar v. PP* [1998] 4 CLJ Supp 208 dan *Ng Yiu Kwok & Ors v. PP* [1989] 1 LNS 52; [1989] 3 MLJ 166 (SC).

[36] Kami bersetuju dengan keputusan PK bahawa prinsip-prinsip undang-undang lazim adalah tidak terpakai dalam kes ini kerana kebolehterimaan masuk ekshibit-ekshibit tersebut sebagai keterangan adalah dengan jelas dikawal oleh peruntukan statutori iaitu s. 49 Akta.

[37] Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa mahkamah tidak boleh mengimport prinsip-prinsip undang-undang lazim ("common law") dari bidang kuasa lain sekiranya telah sedia terdapat peruntukan statutori khusus mengenainya. Dalam kes *Raphael Pura v. Insas Bhd & Ors* [2003] 1 CLJ 61, Abdul Hamid Mohamad HMP (sebagaimana beliau ketika itu) berkata di ms. 88:

> In my view, this court is bound by the provisions of our own rules and not that of any other country....
>
> Furthermore, this court too should be careful and slow to adopt the decisions of the courts in other countries, even on the basis that it forms parts of the common law of England, which on this point, it is not. Particular attention must be paid to the written law of this country. In other words, the provisions of s. 3(1) of the Civil Law Act 1956, must always be borne in mind.

[38] Pada pandangan kami, sekiranya undang-undang telah membuat peruntukan khusus mengenai kebolehterimaan masuk sesuatu keterangan, peruntukan tersebut hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Justeru, mahkamah tidak boleh bergantung kepada peruntukan undang-undang lain, termasuklah undang-undang lazim ("common law").

[28] Walaupun kes *Zul Hassan* tersebut merujuk kepada s. 39(4) Akta Pencegahan Rasuah 1997 Akta 575 tetapi peruntukan tersebut adalah sama dengan peruntukan s. 43(4) Akta SPRM 2009 Akta 694. Undang-undang membenarkan pintasan perbualan telefon dibuat tetapi tertakluk kepada peruntukan s. 43 Akta SPRM 2009 tersebut. Untuk membolehkan P7 tersebut digunakan sebagai keterangan, sepatutnya satu sijil di bawah

s. 43(4) Akta SPRM 2009 dikemukakan bersama-sama transkripsi P7 tersebut kepada mahkamah melainkan jika pegawai yang memberi kuasa untuk pintasan perbualan telefon tersebut dipanggil memberi keterangan. Oleh itu mahkamah ini berpendirian bahawa kegagalan pihak perayu semasa perbicaraan mengemukakan sijil tersebut ataupun memanggil TPR Hanim untuk menunjukkan bahawa perbuatan merakamkan perbualan telefon tersebut adalah atas kebenaran beliau menyebabkan P7 sepatutnya tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan.

Kesimpulan

[29] Berdasarkan alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini mendapati bahawa HMS telah tersilap di dalam keputusannya untuk mensabitkan responden berdasarkan perkara yang dibangkitkan di atas. Oleh itu mahkamah ini mengenepikan sabitan dan hukuman yang telah dijatuhkan oleh HMS dan seterusnya melepaskan dan membebaskan responden dari pertuduhan tersebut.